

Rakyat digesa perkukuh perpaduan

BH-13/5/2007.

Kerajaan pertingkatkan usaha merealisasikan matlamat lahirkan bangsa Malaysia bersatu padu

Oleh Baharom Bakar

KUALA TERENGGANU: Kerajaan akan melipatgandakan usaha membangkitkan semangat rakyat supaya mengamalkan sikap taat setia, bersatu padu dan kasihkan negara, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Maximus Johnity Ongkili.

Katanya, sekiranya semangat cintakan negara sentiasa dipupuk, rakyat pelbagai bangsa serta keturunan akan menjadi bangsa bersatu padu dan memudahkan kerajaan mencapai misi Wawasan 2020.

"Keharmonian dan kesejahteraan perlu dipupuk supaya menjadi lebih kukuh bagi merealisasikan matlamat melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu padu," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Sambutan Bulan Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2007, di Taman Awam Pantai Batu Burok, di sini, semalam.

Majlis pelancaran disempurnakan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin. Turut berangkat Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Joseph Entulu Blaun; Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Mokhtar Nong dan Yang Dipertua Dewan Undangan negeri, Datuk Che Mat Jusoh.

Maximus berkata, usaha menyuntik semangat kesedaran dan keinsafan seluruh rakyat terhadap tanggungjawab serta kesetiaan pada ta-

nah air perlu ditingkatkan menerusi pelbagai program perpaduan.

"Seluruh rakyat sepatutnya insaf dan bersyukur kerana negara dalam keadaan makmur dan harmoni, kemahiran bagi mewujudkan silaturahmi dan hubungan positif dengan anggota masyarakat lain perlu dimiliki setiap warga negara.

"Sikap hormat menghormati dan semangat bersedia membantu orang lain dan mematuhi peraturan serta undang-undang ditetapkan perlu diamalkan," katanya.

Beliau berkata, rakyat perlu mengekal dan mengeratkan hubungan silaturahmi dan pelihara tanggungjawab supaya perpaduan terus utuh.

"Dalam apa juga keadaan, seluruh rakyat perlu menyetepikan perbezaan ideologi, warna kulit, agama dan keturunan bagi membina perpaduan yang kukuh agar tidak mudah diganggu gugat serta tidak menyematkan sifat individualisme," katanya.

Pada majlis itu juga, Tuanku Mizan berkenan menyampaikan anugerah Tokoh Penjana Perpaduan Negara kepada bekas Menteri Luar, Tun Dr Muhammad Ghazali Shafie, bekas Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Peter Lo Su Yin dan bekas pejuang politik dari Sarawak, Datuk Seri Tra Zehnder @ Philomena Tra Ak Jemat.

Anugerah yang julung kali diberikan itu sebagai menghargai serta mengiktiraf sumbangan dan jasa ketiga-tiga tokoh dalam usaha mereka mengukuhkan agenda perpaduan negara dan integrasi nasional.

Sementara itu, Idris berkata, pel-



TOKOH BERJASA: Muhammad Ghazali (kiri) bersama Tra Zehnder (kanan) dan Peter Lo selepas dianugerahkan tokoh Perpaduan Penjana Perpaduan Negara, di Taman Awam Pantai Batu Burok, Kuala Terengganu, semalam.

“Pembentukan bangsa bersatu padu memerlukan usaha berterusan dan unsur pengukuhan perpaduan perlu terus ditingkatkan”

Maximus Johnity Ongkili
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

bagai projek pembangunan termasuk pembangunan modal insan yang dilaksanakan kerajaan negeri akan terbantut tanpa perpaduan kukuh.

Beliau berkata, seluruh rakyat diminta menghayati konsep perpaduan yang dibawa Rasulullah.

Katanya, sejarah membuktikan konsep perpaduan yang dilaksanakan Rasulullah berjaya menyatukan kaum Muhajirin serta Ansar yang harta benda, wang ringgit, warna kulit dan keturunan diletakkan bagi melaksanakan perintah Allah.



HASIL SENI: Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin (kanan) diiringi Maximus (dua dari kiri) tertarik melihat kraftangan dari Sabah ketika melawat gerai pameran selepas merasmikan sambutan Bulan Perpaduan Peringkat Kebangsaan di Pantai Batu Burok, Kuala Terengganu, semalam.